

OHSC UMS anjur program kesedaran kerintangan antimikrobial di SK Bawang Tamparuli

UB 14.05.2024 P.03

KOTA KINABALU: One Health Student Club (OHSC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program kesedaran Kerintangan Antimikrobial (AMR) bersama murid-murid Sekolah Kebangsaan Bawang, Tamparuli, baru-baru ini.

Program kesedaran kerintangan antimikrobial yang dinamakan "Empowering Rural Primary Students Mind Regarding Antimicrobial Resistance (AMR) Control through Interactive Water Sanitation Hygiene (WASH) Education" merupakan satu usaha bersama antara OHSC UMS dan Southeast Asian One Health University Network (SEAOHUN), Malaysia One Health University Network (MyOHUN).

Penasihat OHSC, Dr. Zulkhairul Naim Sidek Ahmad, berkata program ber-



AKTIVITI: Pelajar SK Bawang melakukan salah satu aktiviti yang bertajuk Glitter Germ.

tujuan mempromosikan kesedaran dan pemahaman mengenai konsep 'One Health' serta kesihatan manusia, haiwan, dan alam sekitar dalam bidang penyakit kerintangan terhadap antimikrobial.

Katanya, untuk memas-

tikan program yang berkonsepkan kerintangan antimikrobial ini berlangsung secara menyeronokkan dan mudah difahami, tentatif program diisi dengan aktiviti seperti pertandingan membuat poster Superbug

Art Attack, Germ Tag dan Glitter Germ yang memberi gambaran mudah kepada pelajar berkenaan penularan mikrob dan cara sanitasi yang baik.

"Pelajar juga diberi peluang untuk menyaksikan sendiri sampel-sampel bakteria secara terus melalui mikroskop dengan bimbingan daripada fasilitator yang berpengalaman.

"Seramai 55 pelajar Tahap 2 dari SK Bawang, Tamparuli, Sabah yang sebahagian besarnya berasal dari kawasan pedalaman ini telah memanfaatkan sepenuhnya peluang ini.

Majlis perasmian penutupan program disempurnakan oleh Guru Besar SK Bawang, Norjaip Hj. Daip.

Dalam ucapannya, Norjaip menegaskan isu kerintangan antimikrobial ini sememangnya harus disemat dan

difahami dengan baik oleh anak-anak muda seawal bangku sekolah lagi.

"Komitmen penuh sekolah ini dalam membantu menjayakan program sepanjang dua hari ini menjadi simbolik bahawa kesedaran terhadap kerintangan antimikrobial dan sanitasi yang baik perlu disebarkan dan dihayati oleh seluruh komuniti," katanya.

Seorang murid, Mohamad Razmi Rino, berkata beliau dan rakan-rakan amat seronok dengan perkongsian dan ilmu baharu yang dipelajari dalam program tersebut termasuk cara mencuci tangan dan cara pengambilan ubat antibiotik yang betul.

Hadir sama Penolong Kanan Pentadbiran SK Bawang, Georgena Sipan Manson dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK Bawang, Cornee Malek.